



GARISPANDUAN
PERKONGSIAN DATA PERIBADI
GUIDELINES ON
PERSONAL DATA SHARING

NO.	REKOD PENGEMASKINIAN <i>REVISION RECORD</i>	TARIKH BERKUATKUASA <i>EFFECTIVE DATE</i>
1	Keluaran Pertama <i>First Issue</i>	25 Mei 2023
2	Keluaran Kedua <i>Second Issue</i>	26 Julai 2023
3	Keluaran Ketiga <i>Third Issue</i>	15 Ogos 2023

Kandungan (*Contents*)

1. TUJUAN (<i>PURPOSE</i>)	3
2. LATAR BELAKANG (<i>BACKGROUND</i>)	3
3. SKOP DAN KEBOLEHGUNAAN (<i>SCOPE AND APPLICABILITY</i>)	4
4. DEFINISI UTAMA (<i>KEY DEFINITIONS</i>)	4
5. SENARIO BAGI PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>SCENARIOS FOR PERSONAL DATA SHARING</i>)	7
6. TUJUAN YANG DIBENARKAN (<i>PERMITTED PURPOSES</i>)	7
7. LANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (<i>APPOINTMENT OF DATA PROTECTION OFFICER(S)</i>)	9
8. PERMOHONAN PERKONGSIAN DATA (<i>DATA SHARING REQUEST</i>)	10
9. JADUAL BAGI PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>SCHEDULE FOR PERSONAL DATA SHARING</i>)	11
10. FAIL FORMAT YANG DISARANKAN BAGI PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>SUGGESTED FILE FORMATS FOR SHARING OF PERSONAL DATA</i>)	12
11. KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN DATA PERIBADI (<i>SECURITY AND CONFIDENTIALITY OF PERSONAL DATA</i>)	13
12. DASAR PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN (<i>RETENTION AND DISPOSAL POLICIES</i>)	15
13. PERJANJIAN PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>PERSONAL DATA SHARING AGREEMENTS</i>)	17
14. PERKONGSIAN DATA PERIBADI DALAM SITUASI KECEMASAN (<i>PERSONAL DATA SHARING IN EMERGENCY SITUATIONS</i>)	18
15. CARTA ALIRAN BAGI PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>FLOWCHART FOR PERSONAL DATA SHARING</i>)	18
JADUAL A BORANG PERMOHONAN PERKONGSIAN DATA (<i>SCHEDULE A / DATA SHARING REQUEST FORM</i>)	19
JADUAL B CONTOH KLAUSA KONTRAK (<i>SCHEDULE B / SAMPLE CONTRACTUAL CLAUSES</i>)	24
JADUAL C CARTA ALIRAN BAGI PERKONGSIAN DATA PERIBADI (<i>SCHEDULE C / FLOWCHART FOR SHARING OF PERSONAL DATA</i>)	36
JADUAL D SENARAI SEMAK KEPERLUAN (<i>SCHEDULE D / CHECKLIST OF REQUIREMENTS</i>)	38

1. Tujuan
Purpose

- 1.1. Garispanduan ini menyediakan panduan praktikal dan Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai perkongsian data peribadi oleh agensi-agensi Kerajaan.

These Guidelines provide practical guidance and Standard Operating Procedures (SOPs) regarding the sharing of personal data by Government agencies.

2. Latar Belakang
Background

- 2.1. Garispanduan ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa salah faham dan halangan berkaitan perkongsian data peribadi.

These Guidelines aim to clear up some misconceptions and barriers to sharing of personal data.

2.1.1. Salah Faham 1

Perlindungan data peribadi menghalang perkongsian data peribadi.

(Misconception 1)

Personal data protection prevents the sharing of personal data.

Kenyataan

Perlindungan data peribadi tidak menghalang perkongsian data peribadi asalkan agensi-agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi mengambil pendekatan dengan cara wajar, selamat dan berpatutan. Garispanduan ini boleh membantu agensi-agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi untuk mengimbangi risiko dan faedah, serta melaksanakan perkongsian data peribadi jika ianya untuk kepentingan awam. Amalan terbaik dalam perlindungan data peribadi adalah penting bagi memastikan kepercayaan, penglibatan dan sokongan dari orang awam dalam penggunaan data peribadi secara inovatif dalam sektor awam dan swasta.

Reality

Personal data protection does not prevent sharing of personal data, as long as Government agencies and organisations approach it in a sensible, safe and proportionate way. These Guidelines help Government agencies and organisations balance the risks and benefits, and implement personal data sharing if it is in the public interest. Good practice in personal data protection is vital to ensure public trust in, engagement with and support for innovative uses of personal data in both the public and private sectors.

2.1.2. Salah Faham 2

Tidak banyak manfaat yang diperolehi daripada perkongsian data peribadi.

(Misconception 2)

There is little benefit to be gained from personal data sharing.

Kenyataan

Perkongsian data peribadi boleh memberikan manfaat kepada agensi-agensi Kerajaan, organisasi-organisasi, individu-individu dan masyarakat secara amnya. Sekiranya ianya dilaksanakan dengan baik, ianya boleh membantu agensi-agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi untuk menyampaikan perkhidmatan-perkhidmatan yang moden, cekap dan lebih memenuhi keperluan orang ramai dan

menjadikan kehidupan orang ramai lebih mudah. Ianya juga boleh membantu mengenalpasti orang ramai yang berisiko dan membantu menangani masalah yang dihadapi orang ramai sebelum ianya menyebabkan kesan buruk yang ketara.

Reality

Personal data sharing can bring benefits to Government agencies, organisations, individuals and society at large. If it is done well, it can help Government agencies and organisations to deliver modern, efficient services which better meet people's needs and make their lives easier. It can also identify people at risk and address problems before they have a significant adverse impact.

2.1.3. Salah Faham 3

Data peribadi hanya boleh dikongsikan dengan persetujuan individu berkenaan.

(Misconception 3)

Personal data can only be shared with an individual's consent.

Kenyataan

Agensi-agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi boleh mengongsikan data peribadi tanpa persetujuan dengan syarat ianya memenuhi tujuan-tujuan yang dibenarkan sepermulaan di perenggan 6.1.

Reality

Government agencies and organisations can share personal data without consent if any of the permitted purposes are met under Paragraph 6.1.

3. Skop dan Kebolehgunaan

Scope and Applicability

- 3.1. Garispanduan ini hanya digunakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam perkongsian data peribadi dengan:

These Guidelines only apply to Government agencies that are involved in the sharing of personal data with:

- 3.1.1. Agensi-agensi Kerajaan yang lain;
other Government agencies;

- 3.1.2. Organisasi-organisasi; dan
organisations; and

- 3.1.3. Pemproses data.
data processors.

- 3.2. Perkongsian data peribadi oleh organisasi-organisasi akan dikawalselia di bawah mana-mana perundangan kebangsaan berkaitan dengan perlindungan data peribadi yang sedang berjalan.

The sharing of personal data by organisations will be regulated by any applicable national legislation on personal data protection.

4. Definisi Utama

Key Definitions

- 4.1. Dalam garispanduan ini, melainkan ianya memerlukan konteks berlainan –

In these Guidelines, unless the context otherwise requires –

- 4.1.1. “pengumpulan” bermakna mengumpul, memperolehi, atau mendapatkan data peribadi daripada mana-mana sumber sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan apa cara sekalipun;
“collection” means gathering, acquiring, or obtaining personal data from any source whether directly or indirectly by any means;
- 4.1.2. “pengawal data” bermakna agensi Kerajaan atau organisasi secara persendirian atau secara bersama dengan pengawal-pengawal data yang lain bagi menentukan tujuan-tujuan dan cara-cara pemprosesan data peribadi;
“data controller” means the Government agency or organisation who alone or jointly with other data controllers determines the purposes and means of the processing of personal data;
- 4.1.3. “memproses data” bermakna agensi Kerajaan atau organisasi yang memproses data peribadi bagi pihak pengawal data;
“data processor” means the Government agency or organisation who processes personal data on behalf of the data controller;
- 4.1.4. “mendedahkan atau mengongsikan” bermakna untuk memindahkan, mendedahkan, menyebarkan, mengongsikan atau menyediakan data peribadi dalam simpanannya kepada Pihak Penerima;
“disclose or share” means to transfer, disclose, disseminate, share or otherwise make available personal data in its possession to the Receiving Party;
- 4.1.5. “Pihak Yang Mendedahkan” bermakna agensi Kerajaan atau organisasi yang menghantar, memindahkan, menyebarkan, mendedahkan, mengongsikan atau menyediakan data peribadi dalam simpanannya kepada Pihak Penerima;
“Disclosing Party” means the Government agency or organisation who transmits, transfers, disseminates, discloses, shares or otherwise makes available personal data in its possession to the Receiving Party;
- 4.1.6. “Kerajaan” bermakna Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
“Government” means the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam;
- 4.1.7. “agensi Kerajaan” termasuk mana-mana kementerian atau jabatan Kerajaan, termasuk institusi-institusi pendidikan dan badan-badan berkanun;
“Government agency” includes any Government ministry or department, including educational institutions and statutory bodies;
- 4.1.8. “Ketua agensi” merujuk kepada Setiausaha Tetap dari Kementerian Kerajaan, Ketua Jabatan Kerajaan, Ketua institusi pendidikan, Ketua Eksekutif atau Pengarah Urusan badan-badan berkanun;
“Head of Agency” refers to the Permanent Secretary of the Government Ministry, Head of Government Department, Head of educational institutions, Chief Executive or Managing Director of statutory bodies;

- 4.1.9. “Ketua organisasi” merujuk kepada tahap kuasa yang tertinggi dalam organisasi;
“Head of Organisation” refers to the highest level of authority in organisations;
- 4.1.10. “organisasi” termasuk mana-mana individu, syarikat, persatuan atau badan perseorangan, korporat atau bukan korporat, sama ada atau tidak –
“organisations” includes any individual, company, association or body of persons, corporate or unincorporated, whether or not –
- (a) ditubuhkan atau diiktiraf di bawah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam; atau
formed or recognised under the law of Brunei Darussalam; or
- (b) bermastautin atau mempunyai pejabat atau tempat perniagaan di Negara Brunei Darussalam;
resident or having an office or place of business in Brunei Darussalam;
- 4.1.11. “pihak” merujuk kepada Pihak Penerima dan Pihak Yang Mendedahkan secara kolektif;
“parties” refer to the Receiving Party and the Disclosing Party collectively;
- 4.1.12. “data peribadi” bermakna data, dalam apa jua bentuk sama ada dalam format *softcopy* atau *hardcopy*, yang mana secara amnya tidak disediakan bagi rujukan orang awam atau dalam domain awam, sama ada benar atau tidak, mengenai individu yang boleh dikenalpasti daripada data berkenaan, atau daripada data berkenaan dan maklumat lain yang ada dalam simpanan agensi Kerajaan atau organisasi;
“personal data” means data, in any form whether in softcopy or hardcopy format, which is generally not made available to the public or within the public domain, whether true or not, about an individual who can be identified from the data, or from the data and other information which is in the possession of the Government agency or organisation;
- 4.1.13. “perjanjian perkongsian data peribadi” bermakna perjanjian antara Pihak Penerima dan Pihak Yang Mendedahkan;
“personal data sharing agreement” means the agreement between the Receiving Party and the Disclosing Party;
- 4.1.14. “pemprosesan” bermakna sebarang operasi atau set operasi yang dilakukan ke atas data, sama ada menggunakan elektronik atau tidak, seperti pengumpulan, rakaman, organisasi, penyimpanan, penyesuaian atau mengubah, pengambilan semula, perundingan, penggunaan melalui penghantaran, penyebaran atau penyediaan, penajaran atau gabungan, penyekatan, penghapusan atau pemusnahan;
“processing” means any operation or set of operations performed upon data, whether or not by electronic means, such as collection, recording, organisation, storage, adaptation or alteration, retrieval, consultation, use by transmission, dissemination or otherwise making available, alignment or combination, blocking, erasure or destruction;
- 4.1.15. “Pihak Penerima” bermakna agensi Kerajaan atau organisasi yang membuat permohonan atau menerima data peribadi yang berkaitan daripada Pihak Yang Mendedahkan; dan
“Receiving Party” means the Government agency or organisation who requests for or receives the relevant personal data from the Disclosing Parties; and

5. Senario bagi Perkongsian Data Peribadi

Scenarios for Personal Data Sharing

- 5.1 Perkongsian data peribadi merujuk kepada pendedahan data peribadi kepada sebuah atau lebih dari sebuah agensi Kerajaan atau organisasi dan penyimpanan data peribadi tersebut.
Personal data sharing refers to the disclosure of personal data to one or more Government agency(ies) or organisation(s) and the latter's collection of that personal data.
- 5.2 Rajah 1 di bawah menggambarkan senario-senario yang berbeza di mana perkongsian data peribadi boleh berlaku.
The diagram below illustrates the different scenarios in which personal data sharing can take place.



Rajah 1 : Senario-Senario Perkongsian Data Peribadi
Diagram 1: Personal Data Sharing Scenarios

- 5.3 Senarai semak keperluan di bawah setiap senario yang berbeza boleh diperolehi di **Jadual D**.
A checklist of requirements under each of the different scenarios can be found in Schedule D.

6. Tujuan Yang Dibenarkan

Permitted Purposes

- 6.1 Pihak penerima hendaklah mengenalpasti tujuan dan objektif yang ingin dicapai dari perkongsian data peribadi tersebut.
Receiving Parties should identify the purpose and objectives that personal data sharing is meant to achieve.
- 6.2 Perkongsian data peribadi antara agensi-agensi kerajaan adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar pada masa ini termasuk Akta Rahsia Rasmi (Penggal 153); Dasar

Perlindungan Data di bawah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) dan arahan yang terkandung di dalam Manual Keselamatan Perlindungan di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

The sharing of personal data between Government agencies are subject to laws, regulations, policies and directions, which includes the Official Secrets Act (Chapter 153); the Data Protection Policy by the E-Government National Centre (EGNC) and instructions contained in the Protective Security Manual by the Internal Security Department (ISD).

- 6.3 Agensi-agensi kerajaan hanya dibenarkan untuk mengongsikan data peribadi antara agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi **tanpa mendapatkan persetujuan** jika salah satu daripada **tujuan yang dibenarkan** dipenuhi antara lain seperti berikut:

*Government agencies are permitted to share personal data between other Government agencies and organisations **without consent** as long as one of the following **permitted purposes** are met:*

- 6.3.1. **Kewajipan Undang-Undang:** Pendedahan adalah diperlukan bagi memenuhi kewajipan undang-undang di bawah mana-mana undang-undang yang bertulis;
***Legal obligation:** The disclosure is necessary to comply with a legal obligation under any written law;*
- 6.3.2. **Keselamatan Negara:** Pendedahan adalah diperlukan dalam keadaan yang melibatkan keselamatan negara;
***National security:** The disclosure is necessary in the event of a national security;*
- 6.3.3. **Kesihatan Awam:** Pendedahan adalah diperlukan bagi melaksanakan tugas untuk kepentingan awam yang melibatkan kesihatan awam;
***Public health:** The disclosure is necessary to perform a task in the public interest in the area of public health;*
- 6.3.4. **Ketenteraman Awam:** Pendedahan adalah diperlukan bagi membolehkan sebarang penyiasatan atau *proceedings* bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam di dalam Negara Brunei Darussalam;
***Public order:** The disclosure is necessary for any investigation or proceedings and to maintain peace and public order within Brunei Darussalam;*
- 6.3.5. **Keselamatan Awam:** Pendedahan diperlukan bagi melaksanakan tugas demi kepentingan keselamatan awam;
***Public safety:** The disclosure is necessary to perform a task in the interest of public safety;*
- 6.3.6. **Tugasan Awam:** Pendedahan diperlukan bagi melaksanakan tugas untuk kepentingan awam dan tugas tersebut mempunyai asas yang jelas dalam undang-undang atau semasa melaksanakan tanggungjawab rasmi;
***Public task:** The disclosure is necessary to perform a task in the public interest and the task has a clear basis in law or in the exercise of an official authority;*
- 6.3.7. **Tujuan Penyelidikan:** Pendedahan data peribadi mengenai individu bagi tujuan penyelidikan termasuk bagi penyelidikan sejarah dan statistik;

Research purposes: *The disclosure of personal data about an individual is for research purposes, including historical or statistical research¹;*

- 6.3.8. **Kepentingan Mustahak:** Pendedahan peribadi diperlukan bagi melindungi nyawa seseorang; atau

Vital interests: The disclosure is necessary to protect someone's life; or

- 6.3.9. Pendedahan adalah mematuhi dasar, manual, garispanduan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan dan sebagainya.

The disclosure is in compliance with any related government issued policies, manuals, guidelines, etc.

- 6.4 Persetujuan dari individu berkenaan bagi mengongsikan data peribadi adalah diperlukan bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan mana-mana tujuan di atas dan **bagi tujuan di mana perkongsian data peribadi adalah tidak dibenarkan di bawah mana-mana perundangan yang bertulis.**

An individual's consent should be sought for the sharing of personal data that is not related to any of the purposes above and where it is not legally permissible to do so under any written law.

- 6.5 Agensi-agensi Kerajaan hanya boleh mengongsikan data peribadi yang berkaitan dan diperlukan bagi mencapai tujuan yang telah dikenalpasti. Sebagai contoh, agensi-agensi Kerajaan mungkin diperlukan untuk mengongsikan nama dan alamat terkini sahaja dan bukan maklumat peribadi lain di bawah simpanan agensi berkenaan.

Government agencies should only share the specific personal data needed to achieve the purpose(s) identified. For instance, Government agencies might need to share somebody's current name and address, but not other information they may have in their possession.

7. Lantikan Pegawai Perlindungan Data

Appointment of Data Protection Officer(s)

- 7.1 Pegawai Perlindungan Data akan dilantik sebagai pegawai hubungan fokal bagi:

Data Protection Officer(s) shall be appointed as focal contact person(s) for:

- 7.1.1 Menerima atau mengumpulkan dan menyediakan data peribadi yang berkenaan;

Receiving or compiling and providing the relevant personal data;

¹ Perkongsian data peribadi untuk tujuan penyelidikan **hanya dibenarkan jika keadaan berikut dipenuhi:** (i) tujuan penyelidikan tidak dapat dicapai melainkan data peribadi dikongsikan dalam *individually identifiable form*; (ii) adalah tidak praktikal untuk mendapatkan persetujuan daripada individu bagi mengongsikan data peribadi; (iii) memberikan manfaat kepada awam apabila data peribadi dikongsikan ; (iv) hasil penyelidikan tidak akan digunakan untuk membuat keputusan yang memberi kesan kepada individu; dan (v) hasil penyelidikan, jika diterbitkan, mestilah dalam bentuk yang tidak mengenal pasti mana-mana individu.

The disclosure of personal data for research purposes is only permitted if all the following circumstances are met: (i) the research purpose cannot reasonably be accomplished unless the personal data is disclosed in an individually identifiable form; (ii) it is impracticable to seek the consent of the individual for the disclosure; (iii) there is a clear public benefit to disclosing the personal data for research purpose; (iv) the results of the research will not be used to make a decision that affects the individual; and (v) the results of the research, if published, must be in a form that does not identify any individual.

- 7.1.2. Memastikan data peribadi dikumpulkan, digunakan, diproses dan dikongsikan dengan mematuhi mana-mana garispanduan dan undang-undang berkaitan dengan perlindungan data peribadi.

Ensuring that personal data is collected, used, processed and disclosed in compliance with any applicable guidelines and laws on personal data protection.

- 7.2 Peranan dan tanggungjawab Pegawai Perlindungan Data adalah seperti berikut:

The roles and responsibilities of a Data Protection Officer includes the following:

- 7.2.1. Menyediakan, merebu dan mengemaskini prosedur untuk memasikan pematuhan dengan garispanduan tersebut;

Establish, review and update procedures to ensure compliance with these Guidelines;

- 7.2.2. Menjalankan pemeriksaan secara mengejut dan berkala serta melaksanakan tindakan untuk memperbetulkan bila diperlukan; dan

Conducting regular spot checks and taking corrective action where necessary; and

- 7.2.3. Mencadangkan dan melaksanakan program latihan yang bersesuaian dalam pengendalian dan pengurusan data peribadi bagi memberikan dan menanamkan kesedaran di dalam agensi atau organisasi berkenaan.

Proposing and implementing suitable training programmes in the handling and management of personal data to create and instil awareness within the agency or organisation.

- 7.3 Maklumat perniagaan iaitu nama, alamat, nombor telefon dan/atau alamat emel Pegawai Perlindungan Data hendaklah dimaklumkan kepada orang ramai melalui laman sesawang agensi Kerajaan atau melalui platform media sosial bila mana ianya dikehendaki.

The business contact information, i.e. the name, address, phone number and/or email address of the Data Protection Officer shall be made available to the public via the Government agency's website or social medial platforms and as and when requested.

8. Permohonan bagi Perkongsian Data

Data Sharing Request

- 8.1. Sebarang permohonan bagi perkongsian data peribadi mestilah dipohonkan oleh Pihak Penerima melalui Borang Permohonan Perkongsian Data. Pihak Penerima iaitu Pegawai Perlindungan Data hendaklah mengisikan Bahagian A di dalam Borang Permohonan Perkongsian Data.

Any requests for personal data sharing must be raised by a Receiving Party via a Data Sharing Request Form. The Receiving Party's Data Protection Officer must fill in Part A of the Data Sharing Request Form.

- 8.2. Bahagian A di dalam Borang Permohonan Perkongsian Data hendaklah disahkan oleh Ketua agensi bagi agensi kerajaan yang berkaitan atau pegawai yang memangku jawatan tersebut. Ketua agensi dibenarkan untuk mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang bersesuaian dan salinan perwakilan kuasa tersebut hendaklah dilampirkan pada Borang Permohonan Perkongsian Data.

Part A of the Data Sharing Request Form shall be verified by the Head of Agency of the relevant Government agency or their acting officers. The Head of Agency may delegate this authority

to an authorised officer² in writing, and a copy of the delegation shall be attached to the Data Sharing Request Form.

- 8.3. Pihak yang Mendedahkan mestilah mengakui penerimaan Borang Permohonan Perkongsian Data dengan melengkapkan maklumat yang terkandung di Bahagian B di dalam Borang Permohonan Perkongsian Data.
The Disclosing Party must acknowledge receipt of the Data Sharing Request Form by completing the information contained in Part B of the Data Sharing Request Form.
- 8.4. Bahagian B di dalam Borang Permohonan Perkongsian Data hendaklah disahkan oleh Ketua agensi di bawah agensi Kerajaan yang berkaitan atau ketua organisasi atau pegawai yang memangku jawatan tersebut. Ketua agensi atau Ketua organisasi boleh mewakilkan kuasa ini kepada pegawai yang diberi kuasa secara bertulis, dan salinan tersebut hendaklah dilampirkan pada Borang Permohonan Perkongsian Data.
Part B of the Data Sharing Request Form shall be verified by the Head of Agency of the relevant Government agency or the Head of Organisation or their acting officers. The Head of Agency or Head of Organisation may delegate this authority to an authorised officer in writing, and a copy of the delegation shall be attached to the Data Sharing Request Form.
- 8.5. Borang Permohonan Perkongsian Data boleh diisikan dan ditandatangani secara elektronik dan dihantar melalui e-mel kepada Pegawai Perlindungan Data pihak berkenaan bersama-sama dengan lampiran dokumen kebenaran yang diperlukan. Kandungan e-mel hendaklah dilindungi dengan kata laluan atau *encrypted*.
The Data Sharing Request Form can be filled in and signed electronically and e-mailed out to the relevant parties' Data Protection Officers along with the necessary authorisation documents attached to the e-mail. The contents of the e-mail must be password protected or encrypted.
- 8.6. *Templat Borang Permohonan Perkongsian Data adalah disediakan dalam Jadual A*
A template of the Data Sharing Request Form is provided in Schedule A.

9. Jadual bagi perkongsian maklumat peribadi
Schedule for Personal Data Sharing

- 9.1. Agensi-agensi kerajaan untuk menentukan sama ada perkongsian tersebut dilaksanakan sebagai proses yang berterusan atau sama ada ianya hanya perlu dilaksanakan sebagai tindak balas kepada acara atau tujuan yang tertentu.
Government agencies should determine whether the sharing should be an ongoing process or whether it should only take place in response to a particular event or purpose.

9.2. Perkongsian data secara *ad-hoc* atau *one-off*

² Pegawai berkuasa ialah mana-mana pegawai yang diberikan tanggungjawab oleh Ketua Agensi untuk memberi pengesahan, yang mana besar kemungkinan adalah pegawai yang memangku tugas beliau. Walau bagaimanapun, ianya tidak sepatutnya dijalankan oleh Pegawai Perlindungan Data (DPO) bagi mengelakkan sebarang *conflict of interest* kerana DPO bertanggungjawab terhadap pengumpulan data peribadi.

The authorised officer is any officer that the Head of Agency delegates the responsibility of verification to, most likely his or her acting officer. However, it should not be the Data Protection Officer (DPO) to avoid any conflict of interest as the DPO is responsible for compiling the personal data.

Perkongsian data peribadi berkemungkinan hanya diperlukan semasa situasi diluar perancangan berkala atau semasa situasi kecemasan.

Ad hoc or one-off sharing of personal data

The sharing of personal data may be required in situations outside a periodic arrangement or in an emergency situation.

9.3. Perkongsian data peribadi secara berterusan atau berkala

Perkongsian yang dilaksanakan dengan cara ini adalah secara rutin dan terancang. Secara amnya, ianya akan melibatkan perkongsian data peribadi untuk set data peribadi yang sama, secara kebiasaannya, dan secara berjadual pada selang waktu.

Continuous or periodic sharing of personal data

Sharing done in this way is routine and pre-planned. It will generally involve the sharing of personal data for the same sets of personal data, at regular, scheduled intervals.

9.4. Pihak berkenaan diperlukan untuk mendokumenkan mekanisme perkongsian yang dipersetujui bagi tujuan audit di dalam Borang Permohonan Perkongsian Data.

Parties should document the agreed sharing mechanisms for audit purposes in the Data Sharing Request Form.

9.5. Perkongsian data peribadi hendaklah dilaksanakan di dalam keadaan selamat dan terjamin, termasuk encrypting atau melindungi dokumen menggunakan kata laluan yang kukuh.

The sharing of personal data must be done in a safe and secured manner, including encrypting or protecting documents with strong passwords.

10. Fail Format yang disarankan bagi perkongsian data peribadi.

Suggested File Formats for Sharing of Personal Data

10.1. Pihak yang bertanggungjawab mendedahkan data hendaklah memastikan fail format yang dipilih adalah terpelihara dan data yang dikongsikan adalah selamat.

The Disclosing Party shall ensure that the file formats chosen ensure preservation and security of shared data.

10.2. Pihak yang bertanggungjawab mendedahkan data hendaklah memastikan bahawa data asal yang tidak diubah dan disimpan dalam format asalnya sebagai data sumber yang tidak boleh diubah atau ditukar.

Disclosing Party shall ensure that the original unedited raw data are kept in their native formats as source data which should not be altered or edited.

10.3. Pihak yang bertanggungjawab mendedahkan data hendaklah membuat salinan fail asal sebelum sebarang analisa atau perkongsian data peribadi dilaksanakan.

The Disclosing Party shall make copies of the original files prior to any analysis or personal data sharing.

10.4. Fail format yang disarankan:

Recommended file formats³:

Teks, Dokumentasi, Skrip <i>Text, Documentation, Scripts</i>	XML, XLS, PDF/A, HTML, ASCII, UTF-8, Plain Text
Imej tidak bergerak <i>Still Image</i>	TIFF, JPEG 2000, PNG, JPEG/JFIF, DNG (<i>digital negative</i>), BMP, GIF
Imej Grafik <i>Graphic Image</i>	<i>raster formats:</i> TIFF, JPEG2000, PNG, PDF, JPEG/JFIF, DNG, BMP, GIF <i>vector formats:</i> Scalable vector graphics, AutoCAD Drawing Interchange Format, Encapsulated Postscripts, Shape files <i>cartographic:</i> Most complete data, GeoTIFF, GeoPDF, GeoJPEG2000, Shapefile
Audio	WAVE, AIFF, MP3, MXF, FLAC
Video	MOV, MPEG-4, AVI, MXF
Pangkalan Data <i>Database</i>	XML, CSV, TAB
Arkib Web <i>Web archive</i>	WARC
Geospatial	Shapefile (SHP, DBF, SHX), GeoTIFF, NetCDF
Containers	TAR, GZIP, ZIP
Tabular	CSV
Statistik <i>Statistics</i>	ASCII, DTA, POR, SAS, SAV

11. Keselamatan dan Kerahsiaan Data Peribadi

Security and Confidentiality of Personal Data

- 11.1. Dalam mengambil langkah-langkah berpatutan bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi, agensi-agensi Kerajaan dikehendaki untuk mematuhi Dasar Perlindungan Data di bawah EGNC, Manual Keselamatan Perlindungan di bawah JKDN, Akta Rahsia Rasmi (Penggal 153) dan peruntukan di bawah sebarang perundangan yang berkaitan. Organisasi diperlukan untuk mematuhi peruntukan bagi sebarang perundangan berkaitan keselamatan data peribadi.

In taking appropriate steps to ensure the security and confidentiality of personal data, Government agencies must abide by the Data Protection Policy by EGNC, the Protective Security Manual by ISD, the Official Secrets Act (Chapter 153) and the provisions of any relevant laws. Organisations must abide by the provisions of any relevant personal data protection laws.

- 11.2. Agensi-agensi Kerajaan hanya dibenarkan untuk mengongsikan data peribadi kepada individu berkenaan di bawah agensi-agensi dan organisasi Kerajaan. Akses dan perkongsian data peribadi adalah terhad kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja termasuk pegawai perlindungan data.

³ Senarai ini tidak bertujuan untuk menyeluruh, dan dalam beberapa kes, fail format boleh ditambah atau dikeluarkan tertakluk kepada teknologi yang digunakan pada masa tersebut.

This list is not intended to be exhaustive and, in some cases, the file formats can be added to or deleted depending on the technology used at the time.

Government agencies should only share personal data to relevant individuals within Government agencies and organisations. Access to and disclosure of personal data should be limited to authorised staff including the Data Protection Officer.

- 11.3. Agensi-agensi Kerajaan hendaklah menggunakan langkah-langkah organisasi dan langkah-langkah teknikal yang bersesuaian bagi melindungi data peribadi menurut standard keselamatan antarabangsa yang diperakui.

Government agencies should utilise appropriate organisational measures and technical measures to safeguard personal data in accordance with recognised international security standards.⁴

- 11.4. **Langkah-langkah Organisasi** termasuk seperti berikut:

Organisational measures include the following:

- 11.4.1. Penilaian Risiko – Adalah dicadangkan untuk menyediakan penilaian risiko ke atas semua aktiviti yang diproses untuk mengenalpasti data peribadi yang berpotensi menimbulkan risiko yang lebih tinggi dan langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan data peribadi tersebut selamat dan dilindungi.

Risk Assessment – It is suggested to do a risk assessment on all processing activities to ascertain which pose higher risks to personal data and what measures are needed to ensure that personal data is secure and protected.

- 11.4.2. Dasar dan Prosedur – Mempunyai dasar dan prosedur yang menyeluruh boleh membantu kakitangan mengenalpasti kewajipan masing-masing dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan jika berlakunya sebarang situasi.

Policies and Procedures – Having robust policies and procedures helps employees know what their obligations are and what to do if certain situations occur.

- 11.4.3. Latihan dan Kesedaran – Memastikan kakitangan mengetahui perlindungan data peribadi, mengetahui apa yang diperlukan dari mereka, dan tatacara mengekalkan pematuhan.

Awareness and Training – Ensure that employees are aware of personal data protection, know what is expected of them and how they should maintain compliance.

- 11.4.4. Rebiu dan Audit – Mengenalpasti jurang dan kelemahan dengan cara merebiu dan mengaudit fungsi, aktiviti dan sistem terhadap dasar dan prosedur.

Review and Audits – Identify gaps and weaknesses by reviewing and auditing functions, activities and systems against policies and procedures.

- 11.4.5. Ketelitian dan Ketepatan Data Peribadi – Memastikan data peribadi yang dimiliki adalah terkini dan tepat.

Due Diligence and Accuracy of Personal Data – Ensure that the personal data in possession is up-to-date and accurate.

⁴ ISO telah mengkhususkan siri piawai ISO 27000 bagi urusan keselamatan maklumat. Standard ISO 27001 menyediakan rangka kerja rujukan yang komprehensif bagi sistem pengurusan keselamatan maklumat. Secara khusus, ianya merangkumi keselamatan rangkaian, keselamatan fizikal dan elektronik, keselamatan bagi operasi persekitaran dan keselamatan kakitangan operasional. (The ISO 27000 series of standards have been specifically reserved by ISO for information security matters. The standard ISO 27001 provides a comprehensive reference framework for information security management systems. In particular, it covers network security, physical and electronic security, security of the operating environment and security of operational staff.)

11.5. **Langkah-langkah Teknikal** termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
Technical measures include, but are not limited to, the following:

- 11.5.1. Keselamatan Fizikal – Mengambil langkah-langkah dan menyediakan protokol bagi memastikan akses keselamatan kepada sebarang pejabat atau bangunan dan memastikan semua kakitangan mengetahui tentang kawalan tersebut. Pelawat untuk diberikan kad ID dan dimestikan untuk daftar masuk/keluar dari bangunan berkenaan. Akses keselamatan yang terhad ke kawasan yang mempunyai data peribadi dengan kunci biometrik atau log akses.
Physical Security – Take measures and develop protocols for securing access to any office or building and ensure that all employees are aware of such controls. Visitors should be assigned ID badges and be mandated to sign in/out of the building. Secure access to areas processing personal data with biometric locks or access logs.
- 11.5.2. Pelupusan – Penghapusan (*shredding*) rekod dalam bentuk *hardcopy* adalah diwajibkan bagi data peribadi dalam format kertas. Pelupusan aset IT dengan betul adalah diwajibkan bagi menjamin pemadaman yang berkesan dan lengkap bagi sebarang data atau akses peribadi.
Disposal – Shredding of hardcopy records is essential where personal data is contained in paper formats. Proper disposal of IT assets is necessary to guarantee effective and complete erasure of any personal data or access.
- 11.5.3. Melindungi peranti, rangkaian dan *servers* harus dilaksanakan tanpa mengira saiz dan skop agensi Kerajaan. Imbasan *vulnerability* boleh dilakukan pada semua peranti, rangkaian dan *servers* untuk mengenal pasti sebarang jurang atau kelemahan.
Protecting devices, networks and servers should be implemented regardless of the size and scope of a Government agency. Vulnerability scans may be carried out on all devices, networks and servers to identify any gaps or areas of weakness.
- 11.5.4. Langkah-langkah lain termasuk menggunakan *Virtual Private Network (VPN)*, autentikasi dua-hala, *encryption*, kata laluan atau biometrik.
Other measures include Virtual Private Network (VPN), two-factor authentication, encryption, passwords or biometrics.

12. Dasar Penyimpanan dan Pelupusan
Retention and Disposal Policies

- 12.1. Agensi-agensi Kerajaan hendaklah menyediakan dan mengimplementasikan dasar penyimpanan dan pelupusan persendirian berdasarkan tujuan bagi memproses data peribadi.
Government agencies should develop and implement their own retention and disposal polices based on the purposes for processing personal data.
- 12.2. Dalam menyediakan dasar tersebut, agensi-agensi Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah berpatutan berkaitan data peribadi dan mengimbangi keperluan agensi dengan impak penyimpanan terhadap privasi individu berkenaan.

In developing such policies, Government agencies should take a proportionate approach to personal data retention, balancing their needs with the impact of retention on an individual's privacy.

- 12.3. Jika tidak lagi ada keperluan untuk menyimpan data peribadi tersebut, agensi-agensi Kerajaan hendaklah memastikan bahawa data peribadi tersebut secara selamat dan secara kekal dipadamkan atau dirahsiakan (anonymous).

Where there is no need to retain personal data any longer, Government agencies ensure that the personal data is securely and permanently deleted or anonymised.

- 12.4. Data peribadi hendaklah dipadamkan atau dihapuskan menggunakan salah satu cara yang terjamin iaitu:

Personal data must be deleted or destroyed using one of the following secure methods:

- 12.4.1. Dokumen yang disimpan secara elektronik hendaklah dipadamkan menggunakan utiliti elektronik yang selamat bagi memastikan maklumat tersebut tidak dapat diambil semula. Utiliti pemadam standard yang hanya mengeluarkan *file pointer* tidak boleh digunakan.

Documents retained electronically should be deleted with a secure deletion utility that ensures that the information cannot be retrieved. Standard deletion utilities that only remove the file pointer should not be used.

- 12.4.2. Data peribadi di dalam *hard drives*, media mudah-alih atau sebarang peralatan yang serupa mestilah dipadamkan dengan selamat sebelum dilupuskan atau peralatan tersebut dipindahmilik.

Personal data on hard drives, removable media and any similar items must be securely erased before any disposal or reassignment of the equipment.

- 12.4.3. Jika data peribadi tersebut tidak dapat dipadamkan dari peralatan, ianya mestilah dilupuskan secara fizikal oleh pegawai yang diberikuasa, syarikat pakar dalam penghapusan, dan sijil penghapusan mestilah diperolehi.

Where personal data cannot be erased from equipment, it must be physically destroyed by an authorised, specialist destruction company, and certificates of destruction must be obtained.

- 12.4.4. Salinan kertas mesti dilupuskan menggunakan mesin *shredder*.

Paper copies must be destroyed using shredders.

- 12.5. Ketua-ketua agensi mestilah memberi kuasa bagi penghapusan atau pemadaman data peribadi dan Pegawai Perlindungan Data hendaklah merekodkan sebarang pelupusan, termasuk Tarikh (dan jam, jika berkenaan), kandungan data peribadi dan tatacara penghapusan atau pemadaman.

Heads of agencies must authorise the destruction or deletion of the personal data and the Data Protection Officer must record such deletion, including the date (and time, if relevant), the content of the personal data and the method of destruction or deletion.

13. Perjanjian Perkongsian Data Peribadi
Personal Data Sharing Agreements

- 13.1 Sepertimana yang digambarkan di Perenggan 5.2, Perjanjian Perkongsian Data Peribadi adalah **dimestikan** dalam situasi berkenaan:
As illustrated in Paragraph 5.2, a Personal Data Sharing Agreement is necessary in the following scenarios:
- 13.1.1. **Scenario 2:** Di mana perkongsian data peribadi adalah antara agensi Kerajaan (atau lebih dari satu agensi Kerajaan) dan organisasi (atau lebih dari satu organisasi) sektor swasta; dan
Scenario 2: Where personal data sharing is between Government agency(ies) and private sector organisation(s); and
- 13.1.2. **Scenario 3:** Di mana perkongsian data peribadi adalah antara agensi Kerajaan (atau lebih dari satu agensi Kerajaan) dan data processor(s).
Scenario 3: Where personal data sharing is between Government agency(ies) and data processor(s).
- 13.2 Perjanjian Perkongsian Data Peribadi adalah **tidak dimestikan** bagi **Scenario 1**, yang mana data peribadi berkenaan dikongsikan bersama dan antara agensi-agensi Kerajaan kerana perkongsian data peribadi adalah penting bagi perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.
A Personal Data Sharing Agreement is not necessary for Scenario 1, where personal data is shared within and between Government agencies because the sharing of personal data is crucial for the efficient and effective delivery of public services.
- 13.3 Perjanjian Perkongsian Data Peribadi atau klausa (atau lebih dari satu klausa) yang merupakan sebahagian daripada perjanjian, seperti klausa di dalam perjanjian konsultasi, hendaklah menyenaraikan tujuan bagi perkongsian data peribadi, yang merangkumi apa yang akan terjadi kepada data berkenaan di setiap peringkat, menetapkan standard dan menyediakan penjelasan mengenai tugas dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam perkongsian data peribadi.
A Personal Data Sharing Agreement or clause(s) being part of an agreement, e.g. clauses inside a consultancy agreement, should set out the purpose/s of personal data sharing, cover what is to happen to the data at each stage, set standards and provide clarity on the roles and responsibilities of all the parties involved in the sharing of personal data.
- 13.4 **Jadual B** menyediakan contoh klausa kontrak yang boleh dimasukkan ke dalam Perjanjian Perkongsian Data Peribadi. Penggunaan sampel kalusa tersebut tidak bermakna pematuhan kepada sebarang perundangan yang berkaitan. Pihak berkenaan hendaklah mendapatkan khidmat perundangan yang profesional jika terdapat sebarang ketidakpastian terhadap kewajipan di bawah undang-undang atau di dalam Perjanjian Perkongsian Data Peribadi, atau jika memerlukan bantuan bagi menderaf perjanjian jika diperlukan.
Schedule B provides sample contractual clauses that may be included in a Personal Data Sharing Agreement. Use of the sample clauses does not mean compliance with any relevant laws. Parties should seek professional legal advice if there are uncertainties of obligations under the law or in the Personal Data Sharing Agreement, or if assistance with the drafting of an agreement is required.

14. Perkongsian Data Peribadi dalam Situasi Kecemasan
Personal Data Sharing in Emergency Situations

- 14.1. Agensi-agensi Kerajaan hendaklah mengongsikan data peribadi sepetimana yang diperlukan dan berpatutan semasa situasi kecemasan. Data peribadi yang dikongsikan tidak perlu menyeluruh dan hendaklah terhad kepada yang diperlukan sahaja bagi mencapai tujuan dalam sebarang situasi kecemasan.

Government agencies should share personal data as is necessary and proportionate in an emergency situation. The personal data shared must not be excessive and limited to what is necessary to achieve the purpose in any particular emergency situation.

- 14.2. Situasi kecemasan yang timbul kemungkinan tidak pernah dijangkakan dan perlu ditangani dengan segera tanpa melengahkan masa, dalam jangkamasa yang singkat. Sebagai contoh situasi kecemasan ialah pandemik baru-baru ini yang melibatkan seluruh dunia berkaitan penyakit koronavirus 2019 (COVID-19), iaitu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sindrom pernafasan akut koronavirus 2 (SARS-CoV-2), yang mana telah menunjukkan keperluan bagi perkhidmatan awam untuk bergabung di mana perkongsian data peribadi telah menunjukkan perubahan yang ketara kepada keselamatan awam.

Emergency situations can arise that may not have been foreseen and have to be dealt with immediately without undue delay, within the shortest possible time. An example of an emergency situation is the recent global pandemic concerning the coronavirus disease 2019 (COVID-19), an infectious disease caused by severe acute respiratory syndrome coronavirus 2 (SARS-CoV-2), which has illustrated the need for joined-up public services where personal data sharing can make a real difference to public safety.

- 14.3. Ianya adalah tidak praktikal untuk membangkitkan Borang Permohonan Perkongsian Data dalam situasi kecemasan. Walau bagaimanapun, sebarang kerja-kerja pentadbiran hendaklah disusul sebaik sahaja situasi mengizinkan.

It may not be practical to raise a Data Sharing Request Form in an emergency situation, however, any relevant administrative work should be followed up with as soon as the situation allows for it.

- 14.4. Dalam situasi kecemasan, ianya lebih berbahaya jika data peribadi tidak dikongsikan berbanding jika ianya dikongsikan. Agensi-agensi dan organisasi Kerajaan untuk mengambil kira faktor risiko dalam tidak mengongsikan data.

In emergency situations, it would be more harmful not to share personal data than to share it. Government agencies and organisations should factor in the risks involved in not sharing data.

15. Carta Aliran bagi Perkongsian Data Peribadi
Flowchart for Personal Data Sharing

- 15.1. Sila rujuk Jadual C.
Refer to Schedule C.

[MUKA SURAT SELEBIHNYA ADALAH SENGHAJA DIKOSONGKAN]
[THE REMAINDER OF THIS PAGE IS LEFT INTENTIONALLY BLANK]

JADUAL A | BORANG PERMOHONAN PERKONGSIAN DATA
SCHEDULE A | DATA SHARING REQUEST FORM

BAHAGIAN A – Untuk disikan oleh Pihak Penerima PART A – To be completed by Receiving Party	
Nama agensi Kerajaan: <i>Name of Government agency:</i>	
